

CNS0692

U GB 24-01 00140 BA649

Bah

Mahathir - Gambar

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama), -- Pejabat Perdana Menteri hari ini mendedahkan perbuatan sesetengah individu yang bergambar dengan Perdana Menteri dan menggunakan gambar-gambar itu untuk kepentingan peribadi mereka.

Kenyataan Pejabat Perdana Menteri berkata Perdana Menteri mendapat tahu adanya mereka yang mendakwa kenal rapat dengan beliau dan ada antara mereka menjadi orang tengah bagi peniaga yang ingin mendapat kontrak dan projek daripada kerajaan.

Kenyataan itu menerangkan Perdana Menteri sering-kali diminta bergambar oleh orang ramai dalam berbagai-bagai majlis dan ketika kunjungan ke atas beliau.

+Ada yang dikenali oleh beliau dan ada yang tidak. Sebagai Perdana Menteri dan wakil rakyat, beliau tidak dapat menolak permintaan untuk bergambar bersama-samanya, + tambah kenyataan itu.

Pejabat Perdana Menteri menegaskan bahawa Perdana Menteri tidak dapat memberi sesuatu keistimewaan kepada sesiapa. -- Lagi.

♥24/01/11-47MST

CNS0693

U GB 24-01 00096 BA650

Bah

Mahathir - Gambar 2 Kuala Lumpur

+Walaupun Perdana Menteri mungkin, kerana sebab-sebab politik, berjumpa dengan orang tertentu yang beliau kenali khususnya mereka dari kawasan pilihan rayanya, sebarang permohonan yang dibuat melalui mereka ini tidak akan mendapat layanan daripada Perdana Menteri atau kerajaan. +

Saluran-saluran rasmi mesti digunakan setiap masa, menurut kenyataan itu lagi.

Kenyataan itu berkata orang ramai yang dihubungi oleh sesiapa yang mendakwa mereka boleh berjumpa dan mendapat perhatian Perdana Menteri untuk sebarang tujuan, diminta menghubungi nombor telefon 2322444 sambungan 208 dan 218. -- Bernama.

♥24/01/11-47MST